

NOTIS BIDAAN PENJANAAN

TARIKH : 19 DISEMBER 2022
NO. BIDAAN PENJANAAN : UKMSHAPE/PTD/01/2022
TAJUK BIDAAN : BIDAAN PENJANAAN BAGI MENJALANKAN DAN MENGURUSKAN PERKHIDMATAN KAFETERIA DI BANGUNAN BARU UKMSHAPE, UKM BANGI

Bidaan Penjanaan adalah dipelawa kepada **Syarikat berkelayakan** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam pengkhususan yang berkaitan memberi tawaran kerja berikut:

SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN BIDAAN PENJANAAN	TARIKH BUKA BIDAAN	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP BIDAAN
Kod bidang 040102 - Makanan dan Minuman (tin,botol dan bungkus) / 040103 - Makanan Bermasak (Islam)	RM30.00 senaskah Dijual dalam bentuk salinan lembut	19 Disember 2022 (Isnin)	27 Disember 2022 (Selasa) 2.30 petang Berkumpul di Bangunan Baru UKMSHAPE, UKM Bangi (Bekas bangunan Hotel Puri Pujangga)	3 Januari 2022 (Selasa) 12.00 tengahari

Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** dan perlu dihadiri oleh **PEMILIK SYARIKAT ATAU WAKIL**. Untuk maksud ini, sila bawa **dokumen asal dan satu (1) salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat dan dokumen pengenalan diri** semasa menghadiri lawatan tapak.

- Pembida hendaklah membawa sijil asal **Perakuan Pendaftaran Syarikat**, dan **satu salinan** bagi setiap sijil tersebut semasa mendapatkan dokumen Bidaan Penjanaan. Jika tidak dapat hadir sendiri, wakil syarikat hendaklah membawa surat pengesahan sebagai wakil yang ditauliahkan.
- Tempoh sahlaku Bidaan Penjanaan adalah selama sembilan puluh (90 hari) selepas tarikh tutup bidaan tersebut. Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian.
- Dokumen Bidaan Penjanaan yang sempurna diisi termasuk segala dokumen yang diperlukan (jika berkenaan) hendaklah diserahkan secara **salinan keras (hardcopy)** dan **salinan lembut (soft copy)** melalui serahan pemacu pen (**pendrive**) ke:

**Pejabat Pusat Pengurusan Penjanaan UKM (JANA@UKM),
Aras 2, Bangunan Pentadbiran Kolej Keris Mas, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor**

- Sebarang pertanyaan lanjut mengenai notis ini boleh hubungi Pn. Mas Nurul Amirah Abdul Malek / Pn. Siti Nabila Mohd Khairi di alamat e-mel: mnamirah@ukm.edu.my / siti.nabila@ukm.edu.my

Sekian, terima kasih.

ROZITA RANI

Ketua Pentadbiran

Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMSHAPE)